

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 | ISNIN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan dan peningkatan yang telah dihadapi oleh Tabung Haji (**TH**) setelah perubahan tampuk pengurusan tertinggi dan langkah penjimatan yang telah diambil sejak Mei 2018.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan tertinggi Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah mengambil langkah sewajarnya melalui pelaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan **TH**. Pelan ini melibatkan pemindahan aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan rendah kepada sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik penuh Kerajaan Malaysia. Transaksi ini adalah bertujuan untuk memulihkan kedudukan kewangan **TH** supaya nilai aset melebihi nilai liabiliti. Langkah dan inisiatif yang diambil ini menyebabkan hibah telah diagihkan kepada pendeposit pada 5 April 2019 berlandaskan kepada Akta Tabung Haji.

NO. SOALAN : 1

TH mempunyai Hak Keutamaan (*First Right of Refusal*) terhadap aset-aset yang telah dipindahkan sekiranya SPV ingin melupuskan aset-aset tersebut. Pada masa yang sama untuk membantu fleksibiliti kewangan Kerajaan, sukuk mempunyai terma yang membenarkan Kerajaan untuk menebus semula sukuk bukan sahaja melalui tunai tetapi juga dengan melalui aset-aset yang telah dipindahkan tersebut atau aset-aset lain milik Kerajaan.

Kedudukan kewangan **TH** mencatatkan prestasi yang mampan pada suku pertama 2019, hasil daripada kejayaan proses penstrukturan dan pemulihan yang dilaksanakan pada akhir Disember 2018.

Antara langkah-langkah penjimatan yang telah dan sedang diambil oleh **TH** adalah seperti berikut :

- Untuk suku pertama tahun 2019, perbelanjaan operasi haji **TH** adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM58 juta, dimana kos sebenar operasi Haji pada suku pertama 2019 adalah berjumlah RM204 juta berbanding RM262 juta pada suku pertama 2018;
- Membatalkan inisiatif yang kurang memberi manfaat dan berpotensi rendah seperti pelaburan di dalam mesin ATM. **TH** mengambil langkah dengan usahasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad serta membuat pelaburan di dalam perbankan internet dan digital bagi kemudahan pendeposit;
- Merunding semula kontrak-kontrak terdahulu supaya dapat memberi penjimatan yang optimum kepada **TH** terutamanya di dalam bidang pembekalan infrastruktur teknologi maklumat. Penjimatan sebanyak RM 9.3 juta setahun daripada perundingan semula kontrak ini;
- Mengurangkan perbelanjaan mengurus seperti menguruskan kos pentadbiran dan perolehan di ibu pejabat **TH** dan semua cawangan **TH** seluruh Malaysia melalui pembelian secara pukal dibandingkan perolehan terus dari cawangan-cawangan **TH**. Penjimatan sebanyak RM2 juta setahun daripada inisiatif ini;

NO. SOALAN : 1

- Penjimatan dalam penganjuran sesuatu majlis dengan mengecilkan skala penganjurannya berjumlah RM1.5 juta setahun;
- Mengadakan usahasama strategik dengan anak-anak syarikat **TH** serta rakan perniagaan **TH** yang baharu dan sedia ada;
- Membuat pembiayaan semula (*refinancing*) kepada projek tertentu supaya dapat mengurangkan kadar kos kewangan kepada **TH** dari 3.7 peratus kepada 1.9 peratus dan ia memberikan penjimatan sebanyak RM600 ribu setahun; dan
- Meningkatkan dan menambahbaik program latihan kakitangan **TH**.

Sekian Terima Kasih